



JABATAN PERTANIAN MALAYSIA

Bahagian Kawalan Racun Perosak
Tingkat 4 - 6, Wisma Tani
Jalan Sultan Salahuddin
50632 KUALA LUMPUR
MALAYSIA



Tel: 603-2030 1400
Faks: 603-2691 7551
Laman Web: www.doa.gov.my

Ruj. Kami : JP/KRP/207/12/656/2
(Our Ref.) Jld.VI (73)

Tarikh : 17 Disember 2018
(Date)

KEPADA YANG BERKENAAN

**SURAT PEKELILING LEMBAGA RACUN MAKHLUK PEROSAK
BILANGAN 6 TAHUN 2018**

**AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974
Penggunaan 'Malachite Green' Sebagai Pewarna Dalam Produk
Racun Makhluk Perosak**

TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Syarikat Pendaftar mengenai keputusan pihak Lembaga Racun Makhluk Perosak untuk tidak membenarkan lagi penggunaan perawis lengai "malachite green" (Nombor CAS: 569-64-2) sebagai pewarna dalam produk racun makhluk perosak.

JUSTIFIKASI

Keputusan ini diambil oleh Lembaga kerana bahan pewarna yang mengandungi perawis lengai "malachite green" ini adalah bersifat karsinogenik. Sehubungan dengan itu, Syarikat Pendaftar perlu menukar kepada bahan pewarna lain yang bukan karsinogenik untuk tujuan pendaftaran racun makhluk perosak.

Harap sebutkan bilangan surat kami apabila menjawab

SP.LRMP.Bil.6/2018

M/s 1 dari 2




Rekayal Didahulukan
Pencapaian Diutamakan

TARIKH KUATKUASA

Tarikh kuatkuasa Surat Pekeliling ini adalah **serta-merta** iaitu pada tarikh Surat Pekeliling ini dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHAMMAD NAZRUL FAHMI BIN ABDUL RAHIM)

Setiausaha
Lembaga Racun Makhluk Perosak

s.k :
Pengarah Eksekutif
MCPA